

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir Semester II
Sidang 1996/1997

April 1997

AOP402/AOP453 - PENGURUSAN PERBANDINGAN

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** mukasurat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja. Soalan 1 adalah **WAJIB** dan pilih dan jawab **TIGA (3)** soalan lain.

Soalan 1 - WAJIB

Apakah yang anda faham dengan pernyataan "budaya elemen utama pengurusan perbandingan"? Bincangkan dengan merujuk kepada amalan pengurusan barat dan timur.

[40 markah]

Pilih dan jawab **TIGA (3)** soalan sahaja.

Soalan 2

"Konsep kontingensi adalah asas pengurusan perbandingan". Bincangkan.

[20 markah]

Soalan 3

Adakah syarikat-syarikat antara-negara (MNEs) mempunyai pendekatan yang berbeza di antara satu dengan yang lain? Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pembuatan keputusan dalam syarikat-syarikat jenis ini?

[20 markah]

...2/-

Soalan 4

Apakah "Pengurusan ala Eropah"? Bagaimanakah ianya berbeza atau sama dengan jenis-jenis lain dan apakah keistimewaanannya?

[20 markah]

Soalan 5

Huraikan dengan mendalam persamaan dan perbezaan di antara "Pengurusan ala US" dan "Pengurusan ala Jepun".

[20 markah]

Soalan 6

"Pengurusan ala Timur" lebih mempunyai nilai praktikal daripada "Pengurusan ala Barat".

[20 markah]

Soalan 7

Apakah yang kamu faham dengan "Pengurusan ala Islam"? Bagaimanakah ianya diterjemahkan di dalam amalan pengurusan di negara-negara yang mempraktikannya?

[20 markah]

---ooo000ooo---